



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan
Wisma Tani, Blok Podium 4g1, Presint 4
62630 Putrajaya
Malaysia
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
Email: kp@dvs.gov.my / pro@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II KE KILANG PEMROSESAN AYAM BISMI SDN BHD

1. Tahun 2021 merupakan tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Ke - 12 (RMKe-12) yang mana pelaksanaan RMKe 12 dibawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menumpukan kepada 2 teras dan salah satunya ialah Menjamin Kelestarian Industri Unggas Negara.
2. Industri unggas khususnya ayam/itik pedaging dan penelur telah mencapai tahap sara diri melebihi 100%. Namun industri ini masih perlu diperkukuhkan supaya daya saing dan kemampuan industri dapat ditingkatkan disamping menjamin kelestariannya untuk tempoh dan abad mendatang.
3. Di Negeri Kedah sahaja sebanyak 296 ladang unggas yang berdaftar dengan DVS Kedah pada tahun 2020 melibatkan populasi ternakan sebanyak 24,033,700 ekor.
4. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah telah menguatkuasakan Enakmen Peladangan Unggas 2005 bagi mengawal aktiviti perladangan unggas dan aktiviti berkaitan dengannya yang meliputi pengendalian ladang unggas untuk tujuan pengeluaran daging dan telur, ladang baka, pusat penetasan, pemprosesan serta loji penyembelihan.
5. Cabaran penternakan ayam/itik yang semakin sukar dan sering kali dikaitkan sebagai punca kepada masalah pencemaran terutamanya masalah bau dan lalat. Ini secara tidak langsung menyebabkan kos pengurusan penternakan ini semakin tinggi seterusnya menyebabkan kenaikan kos pengeluaran ayam serta peningkatan harga jualan.
6. Sebahagian besar (90%) daripada bahan mentah untuk makanan ternakan adalah diimport dan lazimnya terdedah kepada ketidakstabilan dan perubahan harga.

7. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar amat menggalakan usahawan dan penternak agar mengikut Pengamalan Penternakan yang Baik (GAHP), Pengamalan Pengilangan/Pemprosesan yang Baik (VHM/GVHP) dengan penggunaan antimicrobial yang betul (*prudent use*) bagi meningkatkan kualiti produk ke arah pengeluaran produk makanan berasaskan ternakan yang berkualiti dan selamat untuk pasaran tempatan dan eksport.

8. Aktiviti penternakan unggas akan terus dimantapkan dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden serta mematuhi amalan penternakan baik seperti sistem reban tertutup, pemakaian automasi dan mekanisasi, aplikasi teknologi IR 4.0 yang pastinya menyokong kelestarian industri dalam menangani isu dan permasalahan semasa seperti pencemaran dan sebagainya.

Disediakan oleh:

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar
08 Mac 2021**